

24/07/2001

Hak sama rata bagi wanita

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan akan dipinda supaya lelaki dan wanita tidak lagi dibezakan dari segi dasar dan undang-undang.

Ini bermakna, perkataan `jantina' akan ditambah kepada Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan.

Fasal itu ketika ini berbunyi: "Kecuali sebagaimana dibenarkan dengan nyatanya oleh perlembagaan ini, tidaklah boleh ada perbezaan terhadap warga negara semata-mata atas sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir dalam mana-mana undang."

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkannya hari ini berkata, tindakan kerajaan itu dilakukan bagi memberi tempat sewajarnya kepada wanita yang jumlahnya separuh daripada rakyat negara ini.

"Saya yakin wanita akan menyambut baik kesamarataan ini, lebih-lebih lagi hari ini keganasan semakin menjadi-jadi dalam masyarakat," katanya ketika melancarkan kempen `Organisasi Wanita Membanteras Keganasan' (Ombak) di Stesen Sentral Kuala Lumpur di sini.

Kempen itu bermatlamat meningkatkan kesedaran awam, terutama wanita, mengenai keganasan dalam masyarakat serta menggariskan tindakan yang boleh diambil oleh mangsa dan anggota masyarakat yang prihatin untuk membantu membanteras gejala itu.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas majlis itu, Dr Mahathir berkata, pindaan Perlembagaan bertujuan membolehkan tiada lagi perbezaan jantina dari segi dasar, undang-undang dan pemilihan kecuali dari segi fizikal atau ada sebab tertentu kenapa wanita dan lelaki perlu dibezakan.

Ditanya sama ada undang-undang berkaitan akan turut dipinda, beliau berkata, jika perlu kerajaan akan berbuat demikian "tetapi buat masa kini, kita berpendapat apa yang perlu ialah (pindaan) Perlembagaan".

Katanya, beliau sendiri akan membentangkan rang undang-undang bagi pindaan itu dalam sidang Dewan Rakyat sekarang.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, penggubalan dan pelaksanaan undang-undang semata-mata tidak akan berkesan dalam mengawal tingkah laku anggota masyarakat memandangkan setiap manusia perlu mempunyai kesedaran sendiri untuk mengawal diri masing-masing.

"Undang-undang boleh kita gubal dan laksana. Tetapi tidak ada undang-undang atau polis yang cukup berkesan untuk hapuskan keganasan dengan cara mengawasi gerak-geri seseorang setiap masa.

"Apabila rakyat Malaysia berpegang kepada budaya menolak keganasan, dengan sendirinya keganasan tidak akan bertapak di negara ini," katanya.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Jalil berkata keputusan Kabinet itu adalah satu kejayaan besar kepada seluruh wanita Malaysia.

"Kementerian memohon pindaan itu dibuat dan bersyukur apabila Dr Mahathir dan Kabinet pada mesyuaratnya 18 Julai lalu, meluluskannya.

"Jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Kabinet kerana secara jelas dan nyata menunjukkan keprihatinan mereka terhadap kepentingan, kebajikan serta kemajuan wanita," katanya.

(END)